

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN BAHAN BANTU
MENGAJAR BAHASA INGGERIS BAGI MURID
MASALAH PEMBELAJARAN BERBANTUKAN
MICROSOFT *POWER POINT*

VASANTA A/P GANESAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN PERISIAN PENGAJARAN BAHASA
INGGERIS BERBANTUKAN MIKROSOFT POWER POINT BAGI MURID
MASALAH PEMBELAJARAN**

VASANTA A/P GANESAN

**DIDERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, VASANTA A/P GANESAN - M20122001508 - FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN PERISIAN PENGAJARAN BAHASA INGGERIS BERBANTUKAN MIKROSOFT POWER POINT BAGI MURID MASALAH PEMBELAJARAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ABDUL RAHIM RAZALLI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN PERISIAN PENGAJARAN BAHASA INGGERIS BERBANTUKAN MIKROSOFT POWER POINT BAGI MURID MASALAH PEMBELAJARAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

4/8/2021

Tarikh


Tandatangan Penyelia

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Razalli
Dekan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN PERISIAN PENGAJARAN
BAHASA INGGERIS BERBANTUKAN MIKROSOFT POWER
POINT BAGI MURID MASALAH PEMBELAJARAN

No. Matrik / Matric No.:

M20122001508

Saya / I:

VASANTA A/P GANESAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan
seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan
penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran
antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

☒ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

G. Luth
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 4/8/2021

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Razali
Dekan
Fakulti Pembangunan Manusia
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization
mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya Prof. Madya. Dr. Rahim Bin Razali atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof. Madya. Dr. Rahim Bin Razali yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan teliti, minat terhadap kajian ini serta maklumbalas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini.

Ribuan terima kasih kepada pakar – pakar pendidikan khas, guru – guru cemerlang pendidikan khas dan guru guru pendidikan khas daerah Gombak atas kesudian menyumbangkan masa untuk menjawab soal selidik kajian saya dan memberi pandangan dan saranan bagi memurnikan menentusahkan perisian power point yang dibangunkan dalam kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat keluarga dan rakan – rakan saya yang dikasihi yang telah menjadi pendorong dan sumber inspirasi saya sepanjang saya menyempurnakan tesis ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris Tahun 1 untuk murid di Program Pendidikan Khas Integrasi bermasalah pembelajaran dan memperolehi kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian ini mengenal pasti kesesuaian elemen-elemen multimedia interaktif dan fokus kemahiran membaca dan kemahiran mengenal perkataan bagi murid-murid bermasalah pembelajaran. Pembinaan bahan bantu mengajar melibatkan fasa satu (analisis) dan fasa dua (pembinaan). Kajian melibatkan 50 orang guru pendidikan khas dan 10 orang pakar dalam bidang untuk tujuan mengukur kesahan. Dapatan menunjukkan bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris ini mempunyai kesahan kandungan yang baik iaitu indeks cohen kappa sebanyak .60 dan nilai kebolehpercayaan keseluruhan item dalam bahan bantu mengajar nilai $\alpha=0.953$ iaitu berada di tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan elemen multimedia dalam bahan bantu mengajar berada pada nilai min tertinggi ($M=4.30$, $SP=0.762$), kesesuaian pada nilai min ($M=4.32$, $SP=0.551$) dan kemahiran membaca dan mengenal perkataan pada nilai min bagi murid-murid bermasalah pembelajaran pada min ($M=3.98$, $SP=0.685$). Implikasi kajian ini menyumbang kepada pembinaan bahan bantu mengajar menggunakan perisian *Power Point* yang boleh dilaksanakan oleh guru dan hasil bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris murid Tahun 1 boleh digunapakai kepada murid bermasalah pembelajaran.

DEVELOPMENT AND ASSESSMENT ENGLISH LANGUAGE TEACHING AID FOR LEARNING DISABILITY STUDENTS WITH MICROSOFT POWER POINT

ABSTRACT

The purpose of this research is to develop English Year 1 teaching aid for learning disability students in Special Education Program on Integrated and to obtain the reliability of English teaching aids. This research identifies the suitable elements of interactive multimedia, the elements focused on reading skills and the spelling. This development have go through by two phase which is phase 1 (analysis) and phase 2 (development). This research involves 50 special education teachers and 10 experts in the field for the purpose of measuring validity. The results show that the power point of the English Language for Special Education has a good content value of Cohen kappa index .60 and the overall reliability value is alpha value $\alpha=0.953$. The findings also show that the multimedia elements in the power point software are at the value of (M=4.30, SD=0.762), the suitability of the mean value (M=4.32, SD=0.551) and the reading skills and knowing the meanings of the mean value of learning disabilities students at min (M=3.98, SD=0.685). The implication of this research contribute to develop teaching aids with Microsoft Power Point which can be used by the teacher and this teaching aids can be used for the English Year 1 students with learning disability.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	9
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Operasional	

1.10.1	Pembangunan	14
1.10.2	Penilaian	15
1.10.3	Bahan Bantu Mengajar	15
1.10.4	Mikrosoft Power Point	16
1.10.5	Masalah Pembelajaran	16
1.10.6	Program Pendidikan Khas Integrasi	18
1.10.7	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas	19
1.11	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Sorotan Literatur	23
2.3	Teori – teori perkembangan dan pembelajaran kanak – kanak	24
2.3.1	Teori Perkembangan Kognitif Piaget	25
2.4	Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori & Kinestetik	27
2.4.1	Kesan penggunaan Gaya Pembelajaran VAK Dalam pembelajaran	29
2.5	Teknologi Pendidikan	30
2.5.1	Microsoft Power Point sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran	32
2.5.2	Kesan Penggunaan ICT dalam pengajaran Dan Pembelajaran	35



2.5.3	Kesan penggunaan ICT dalam pengajaran perbendaharaan kata	40
2.5.4	Kesan penggunaan ICT dalam pengajaran Kemahiran membaca	42
2.5.5	Kesan penggunaan ICT dalam meningkatkan Kefahaman murid dalam satu matapelajaran	43
2.6	Pengajaran Bahasa Inggeris kepada murid pendidikan Khas masalah pembelajaran	45
2.7	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	47
3.2	Rekabentuk Pembangunan Modul Kajian dan kaedah kajian KaedahTinjauan	48
3.2.1	RekaBentuk pembangunan Modul kajian	48
3.3	Modal ADDIE	49
3.3.1	Fasa 1	
3.3.1.1	Analisis Murid	52
3.3.1.2	Reka bentukBahan Bantu Mengajar	53
3.3.1.3	Pembangunan Bahan Bantu Mengajar	54
3.3.2	Fasa 2	
3.3.2.1	Proses Pelaksanaan	56
3.3.2.2	Penilaian	57
3.3.3	Objektif Pembinaan Modul	57



3.3.4	Penentuan Tajuk,skop pelajaran dan isi kandungan Modul	58
3.3.5	Ciri – ciri elemen multimedia dalam modul	59
3.3.6	Reka Bentuk SkrinTemplat	61
3.4	Kesahan elemen – elemen dan kandungan	66
3.5	Reka bentuk kajian	66
3.6	Sampel Kajian	67
3.7	Lokasi Kajian	70
3.8	Batasan Kajian	70
3.9	Instrumen Kajian	71
3.10	Pengumpulan data	72
3.11	Penganalisan data	73
3.12	Statistik Deskriptif	74
3.13	Kesimpulan	75

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	76
4.2	Dapatan Kajian	77
4.3	Profil Responden	77
4.3.1	Jantina	78
4.3.2	Bangsa	78
4.3.3	Umur	79
4.3.4	Kelulusan Akademik	80
4.3.5	Pengalaman Mengajar di PPKI	80

4.4	Tahap Kesahan Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Power Point	82
4.5	Tahap Kebolehpercayaan Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Power Point	84
4.6	Analisis Deskriptif	85
4.6.1	Aspek Multimedia dan Interaktif	86
4.6.2	Isi Kandungan Bahan	89
4.6.3	Kemahiran	91
4.6.3.1	Kemahiran Membaca	91
4.6.3.2	Kemahiran Mengenal Perkataan	93
4.5	Kesimpulan	94

5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	96
5.2.1	Bahan Bantu Mengajar Berbantuan Komputer	96
5.2.2	Aspek Multimedia Interaktif	98
5.2.3	Isi Kandungan Bahan Bantu Mengajar	99
5.3	Refleksi Pembangunan Bahan bantu Mengajar	100
5.3.1	Kekuatan dan Kelebihan Perisian	101
5.3.1.1	Aspek Pendidikan	101
5.3.1.2	Aspek Teknikal	102
5.3.2	Kelemahan dan Kekurangan Perisian	103
5.3.2.1	Aspek Pendidikan	103
5.3.2.2	Aspek Teknikal	103

5.4	Implikasi Kajian	104
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	109
5.6	Kesimpulan	110

BIBLIOGRAFI	111
--------------------	-----

LAMPIRAN

- A. Senarai Semak Pemilihan Unit
- B. Senarai Semak Bahan Bantu Bantu Mengajar
(Penilaian Oleh Pakar – Pakar dan Guru Cemerlang)
- C. Senarai Semak Bahan Bantu Bantu Mengajar
(Penilaian Oleh Guru – guru Pendidikan Khas)

SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Instrumen Dan Sampel Kajian	71
3.2 Senarai Instrumen Dan Cara Analisis Dapatan	75
4.1 Nilai Kesahan Perisian Power Point Bahasa Inggeris	84
4.2 Nilai kebolehpercayaan Bahan Bantu Mengajar yang menggunakan Perisian Power Point	86
4.3 Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Pernyataan AspeMultimedia Interaktif	89
4.4 Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Pernyataan Isi Kandungan Perisian	92
4.5 Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Pernyataan Kemahiran Membaca	94
4.6 Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Pernyataan Kemahiran Mengenal Perkataan	96

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	11
3.1 Model ADDIE	50
3.2 Rekabentuk kajian merangkuni dua fasa	51
3.3 Skrin Pembukaan	62
3.4 Skrin Kandungan Bahan Bantu Mengajar Power Point	63
3.5 Skrin Menu Utama	64
3.6 Skrin Modul ' <i>Listening And Speaking</i> '	65
3.7 Skrin Modul ' <i>Reading</i> '	66
4.1 Taburan responden mengikut jantina	79
4.2 Taburan responden mengikut bangsa	79
4.3 Taburan responden mengikut umur	80
4.4 Taburan responden mengikut kelulusan akademik	81
4.5 Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	82

SENARAI SINGKATAN

PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
ICT	Information And Communication Technology
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah pembelajaran merupakan satu atau lebih masalah yang melibatkan pemahaman, penggunaan bahasa pertuturan atau penulisan di mana masalah tersebut memberi kesan kepada kebolehan mendengar, bertutur, berfikir, dan membaca dalam kalangan kanak – kanak (IDEA, 1997). Ketidakupayaan yang dialami oleh murid – murid bermasalah pembelajaran boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi kanak - kanak dalam kebolehan kognitif, perkembangan sosial, penguasaan membaca, penguasaan pertuturan dan kemahiran matematik (Kementerian Pendidikan Malaysia,1995). Masalah pembelajaran memberi kesan kepada kanak - kanak dari segi kekecewaan, esteem sendiri yang rendah, tekanan, kemurungan dan masalah sosial (Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad & Zainuddin Mohd Isa, 2013).

Masalah pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak dapat ditangani melalui pelbagai cara menggunakan pelbagai kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai sumber media boleh digunakan bagi menimbulkan minat murid bermasalah pembelajaran di dalam kelas sama ada menggunakan elemen teks, grafik, audio, video atau animasi kartun secara tunggal mahupun gabungan dari beberapa elemen. Penggunaan grafik adalah media yang paling popular selain teks dalam membangunkan aplikasi multimedia untuk murid.

Pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak bermasalah pembelajaran amatlah berbeza dengan murid aliran perdana disebabkan tahap pemikiran, kemampuan menaakul dan kematangan mental berada di tahap rendah berbanding rakan murid aliran perdana yang seusia mereka. Seperti diperjelaskan oleh Birkett, V. (2003), para murid boleh dikelompokkan sebagai bermasalah pembelajaran jika menunjukkan kesukaran belajar jauh lebih rendah daripada murid aliran perdana (*main stream*) yang sama umur. Oleh yang demikian teknik, kaedah, strategi dan gaya pembelajaran harus bersesuaian dengan tahap kemampuan mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara khususnya, komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap program pendidikan khas telah dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Induk Perancangan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010.

“..KPM akan memperluas pendidikan khas dengan menambah dua buah SMPKV dengan jumlah kapasiti 750 tempat dan menawarkan 21 bidang kemahiran

bagi murid bermasalah pendengaran dan pembelajaran.KPM akan memperluas dan mempertingkatkan program integrasi pendidikan khas, menyediakan guru pendidikan khas terlatih dan membantu pengurusan murid yang mencukupi, menyediakan pentaksiran alternatif dan menyediakan kemudahan ICT kepada murid berkeperluan khas...(PIPP, m.s. 35).

Pernyataan di atas terbukti bahawa, dalam aspek pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha untuk memperluaskan bidang komputer dalam pendidikan melalui jaringan pendidikan yang merangkumi satu sistem penggunaan komputer secara rangkaian yang membolehkan sekolah – sekolah di seluruh negara berinteraksi melalui aktiviti terancang yang berorientasikan kemahiran mencari, menilai dan menggunakan maklumat untuk tujuan pendidikan (Noor Awanis Muslim et.al,2006).

Penggunaan teknologi dalam pendidikan sebagai media untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran diakui memberi manfaat kepada pendidik dan murid semenjak dekad 80-an lagi. Senario pendidikan di rantau Asia Pasifik telah membentuk reformasi pendidikan ke arah meningkatkan mutu proses pengajaran dan pembelajaran dengan memperbaiki teknologi pendidikan yang boleh membantu para pendidik (Mohd Arif et.al, 2004).

Penggunaan teknologi berasaskan komputer juga memberi dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efisien tanpa mengganggu objektif pelajaran yang telah ditetapkan. Guru juga perlu mengintegrasikan komputer dalam kurikulum sekolah bagi mencapai objektif pengajaran. Tambahan pula, penggunaan teknologi ini dapat membantu para guru di dalam persembahan mereka sewaktu proses pengajaran dilakukan (Mohd Khairuddin, 2005).



Kaedah pengajaran yang menggunakan teknologi membolehkan proses pendidikan yang merangkumi murid untuk mencapai, memilih, menyesuaikan, menerima apa yang dipelajari dan menyampaikannya semula apabila dikehendaki. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji mengambil teknologi sebagai satu fokus utama dalam membina bahan bantu mengajar yang dibina dengan menggunakan perisian powerpoint.

1.3 Penyataan Masalah

Analisis awal telah dilaksanakan oleh pengkaji dari segi temubual, dan analisis pencapaian murid masalah pembelajaran dalam matapelajaran bahasa Inggeris di daerah Gombak setelah melawat beberapa PPKI di daerah Gombak secara rawak. Didapati penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid masalah pembelajaran agak rendah di daerah Gombak. Dapatan ini diperolehi dari 10 Orang guru cemerlang pendidikan khas dan 10 orang guru matapelajaran bahasa Inggeris di PPKI. Dapatan ini juga dapat sokongan daripada Jeanne et.al (2013) dalam kajian mereka mengenai perkembangan kefasihan dalam membaca bagi murid bermasalah pembelajaran dan murid gangguan emosi memberi dapatan bahawa perkembangan kefasihan membaca kanak – kanak bermasalah pembelajaran adalah rendah dari perkembangan kefasihan membaca kanak – kanak gangguan emosi. Walaupun terdapat kemajuan dalam kemahiran membaca bagi murid bermasalah pembelajaran dalam setiap tahun tetapi mereka tidak dapat mencapai tahap keupayaan membaca mengikut darjah yang mereka belajar di sekolah.

Menurut Jeanne et.al (2013) dalam kajiannya terdapat data pencapaian dalam kategori bacaan dalam Bahasa Inggeris bagi murid bermasalah pembelajaran. Data tersebut adalah sumber dari National Assessment of Educational Progress (NAEP) di Amerika Syarikat. Purata pencapaian bacaan bagi murid masalah pembelajaran Tahun 4 mengikut data NAEP semakin kurang dan secara signifikan pencapaian dalam pembacaan bagi murid masalah pembelajaran juga semakin berkurang. Keadaan ini berlaku kerana murid masalah pembelajaran mengalami kesukaran dalam memahami arahan dalam Bahasa Inggeris dan juga sukar untuk memahami sesuatu teks yang dibaca. Manakala Wong (1980) menyatakan bahawa murid masalah pembelajaran mengalami kesukaran dalam menyusun maklumat dalam sesuatu perenggan kefahaman secara sendiri. Beliau mendapati bahawa murid masalah pembelajaran dapat memberikan idea – idea yang sama taraf dengan murid normal apabila berlaku sesi soal jawab secara lisan, tetapi bila sampai ke menyatakan idea secara menulis mereka mengalami kesukaran kerana terhad perbendaharaan kata dan juga kurang kemahiran dalam penyusunan maklumat.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa murid bermasalah pembelajaran mempunyai kesukaran belajar bahasa Inggeris (Scott Manglitz, 1997). Lebih tepat lagi, kajian mendedahkan bahawa murid masalah pembelajaran lebih cenderung kearah masalah dalam kebanyakan aspek pembelajaran bahasa Inggeris dari segi kemahiran mendengar, bercakap, sebutan, membaca dan menulis. Kenyataan tersebut disokong oleh Yun – Ju Huang (2011) dan Sparks et.al (2003). Kenyataan tersebut dipetik daripada kajian Yun-Ju Huang (2011) yang bertajuk perkembangan bahasa Inggeris sebagai pedagogi bahasa asing bagi murid masalah pembelajaran di Taiwan.



Melalui kajian – kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti masalah penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran dan masih kurang pendekatan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan multimedia iaitu pembangunan bahan bantu mengajar berbantuan powerpoint sebagai penyelesaian untuk masalah tersebut. Pengkaji mendapat beberapa kajian sebagai sokongan bagi bahan bantu mengajar yang telah dipilih oleh pengkaji. Menurut Hanafi, Hasnah dan Mokhtar (2007) dalam kajiannya tentang penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran murid – murid pemulihan khas, menyatakan bahawa Skor pasca kumpulan sepuluh orang murid yang menggunakan kaedah pengajaran BBM dengan ICT adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan lain. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pencapaian murid-murid pemulihan yang diajar menggunakan tiga kaedah pengajaran yang berbeza iaitu kaedah tradisional, kaedah bahan bantu mengajar tanpa ICT dan kaedah bahan bantu mengajar dengan ICT. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menentukan kaedah pengajaran manakah yang lebih dominan untuk meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam subjek yang diajar.

Tambahan pula, menurut Ronaldi sallah (2011), dalam kajiannya menggunakan animasi di dalam proses pengajaran untuk kanak – kanak disleksia, membangunkan bahan pembelajaran adalah sangat mencabar apabila muridnya merupakan dari golongan khas masalah pembelajaran.





Walaupun bagaimanapun, mereka bentuk animasi untuk sesuatu instruksi khas bukanlah perkara yang mudah. Walaupun animasi mempunyai ciri-ciri multi-modal yang mana ia mampu menyampaikan maklumat menggunakan kombinasi visual, bunyi, dan suara, tapi belum tentu ia boleh diterima oleh pengguna. Perkara ini ditekankan oleh Cornell (2010) dengan memberikan contoh bahawa novel grafik yang menggunakan kombinasi ayat dan gambar untuk menyampaikan mesej secara berkesan, perlu analisa tersendiri dari segi rekabentuknya. Perkara ini juga dikuatkan oleh Karuchit (2011) didalam mereka bentuk *Knowledge Cartoon* bahawa sangatlah penting untuk membuat pendekatan dan kajian bagi memahami pembaca dari segi gaya hidup mereka, minat, dan juga kepercayaan. Justeru, kajian ini mencuba untuk mengenalpasti animasi yang sesuai untuk menyampaikan teknik pengajaran pendaraban dua mengikut kehendak dan ciri-ciri pelajar disleksia.



Menurut Abdul Rasid, Norhasimah dan Shamsudin (2012) dalam kajian multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid – murid Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM), dapattannya menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif dalam pembelajaran kemahiran membaca amat berkesan dan berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

Kebanyakan kajian yang dibuat berkenaan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak yang masalah pembelajaran termasuk kajian yang telah dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak masalah pembelajaran mengalami kesukaran dalam menguasai Bahasa Inggeris dari segi perbendaharaan kata, kefahaman dan juga bacaan. Tetapi kurang kajian yang berfokus



kepada intervensi bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris kanak – kanak masalah pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membangunkan satu perisian power point melibatkan ICT sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi membangunkan satu bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris Tahun 1 Masalah Pembelajaran.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk membangunkan satu bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris Tahun 1 Masalah Pembelajaran bagi murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur antara 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi. Fokus utama kajian adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Membangunkan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point
- 1.5.2 Mengenalpasti tahap kesahan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point Bahasa Inggeris yang dibangunkan.
- 1.5.3 Mengenalpasti tahap kebolehpercayaan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point Bahasa Inggeris yang dibangunkan
- 1.5.4 Mengenal pasti bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan mengandungi unsur – unsur multimedia interaktif.
- 1.5.5 Mengenal pasti isi kandungan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan sesuai untuk murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur antara 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi.
- 1.5.6 Mengenal pasti bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan berfokuskan kemahiran membaca dan mengenal perkataan bagi murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur antara 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi.


1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini akan merangkumi beberapa aspek persoalan utama dibawah :

- 1.6.1 Apakah bentuk bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point yang sesuai ?
- 1.6.2 Apakah tahap kesahan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point Bahasa Inggeris yang dibangunkan?

- 1.6.3 Apakah tahap kebolehpercayaan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point Bahasa Inggeris yang dibangunkan ?
- 1.6.4. Adakah bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan mengandungi unsur – unsur multimedia interaktif?
- 1.6.5. Adakah isi kandungan bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan sesuai untuk murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur antara 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi?
- 1.6.6. Adakah bahan bantu mengajar berbantuan Microsoft Power Point bahasa Inggeris yang dibangunkan berfokuskan kemahiran membaca dan kemahiran mengenal perkataan bagi murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur antara 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

Dalam kajian ini, pembangunan bahan bantu mengajar berbantuan perisian power point adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris Tahun 1 masalah pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi.

Teknologi pendidikan dimana menurut Derek Rowntre (1974) , ia merupakan satu pendekatan sistematik yang amat sesuai dan boleh diterima bagi proses penyelesaian masalah pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji menggunakan teknologi

dari segi penggunaan perisian power point dalam membina bahan bantu mengajar berbantuan perisian power point adalah salah satu teknologi pendidikan.

Teori VAK adalah model gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestatik (VAK) yang diperkenalkan oleh Barbe (1987) . Teori ini digunakan sebagai garis panduan dalam membina bahan bantu mengajar berbantuan perisian power point. Bahagian – bahagian yang terdapat dalam bantu mengajar berbantuan perisian power point adalah bahagian bacaan, perkataan dan kefahaman. Ketiga – tiga aspek ini dibina berdasarkan kurikulum KSSR Pendidikan Khas Tahun 1 English masalah pembelajaran.

Modal ADDIE diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. Model ADDIE merupakan model yang berfungsi sebagai garis panduan kearah pembinaan perisian dan bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan. Model ini digunakan dalam kajian sebagai garis panduan dalam membina bahan bantu mengajar berbantuan perisian power point. Ia akan menghasilkan bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan efisien. Modal ADDIE meliputi lima fasa yang berbeza iaitu analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian.



1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pengkaji mengenal pasti kandungan Bahan Bantu Mengajar berbantuan perisian power point dalam pengajaran Bahasa Inggeris murid-murid bermasalah pembelajaran yang berumur 7 hingga 9 tahun di Program Pendidikan Khas Integrasi.

Kajian ini juga dapat menyelesaikan masalah dan juga meringankan bebanan dan kesukaran guru bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi, di mana mereka mengalami kesukaran dalam mengajar bahasa Inggeris untuk murid-murid bermasalah pembelajaran. Mereka juga gagal dalam meningkatkan minat dan juga tahap kefahaman murid terhadap pengajaran bahasa Inggeris.



Hasil daripada kajian yang dijalankan diharap akan memberikan satu idea dalam melakukan pembaharuan terhadap keadah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris bagi murid-murid bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Intergrasi.

Justeru itu, dapatan dan rumusan kajian yang diperolehi nanti dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh semua guru bahasa Inggeris Program Pendidikan Khas Intergrasi untuk membina objektif pengajaran yang berkesan dan dapat meningkatkan minat dan tahap kefahaman murid terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.



1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini terbatas kepada 50 orang guru pendidikan khas yang telah dipilih secara rawak dari 5 buah sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Kebangsaan Daerah Gombak dan 10 orang yang pakar dalam bidang pendidikan khas dan juga bidang ICT. Kajian ini juga terbatas kepada subjek Bahasa Inggeris KSSRPPK Tahun 1 iaitu unit 1 hingga unit 5 yang terdapat dalam bahan bantu mengajar ini yang sesuai untuk murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang berumur dari 7 tahun hingga 11 tahun dan lima buah sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Kebangsaan Daerah Gombak yang dipilih secara rawak dalam kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Pembangunan

Merupakan satu proses mereka bentuk sebuah bahan bantu mengajar untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan membangunkan sebuah bahan bantu mengajar menggunakan Microsoft powerpoint untuk murid bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.10.2 Penilaian

Penilaian dilakukan ke atas bahan bantu mengajar yang telah dibangunkan untuk menyemak sama ada ia menepati keperluan murid. Penilaian ke atas bahan bantu mengajar bertujuan untuk melihat pandangan guru pendidikan khas dan pakar terhadap kesesuaian dalam proses pembelajaran. Dalam konteks kajian ini pengkaji membuat penilaian bahan bantu mengajar ini berdasarkan elemen multimedia interaktif, isi kandungan bahan dengan tujuan untuk memastikan kesesuaian mmenepati objektif penghasilannya. Penilaian ini dibuat berdasarkan survey iaitu penggunaan soal selidik.

1.10.3 Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Peralatan mengajar bukan terhad kepada buku teks, papan putih ddan gambar – gambar sahaja, tetapi ia merangkumi segala benda yang digunakan dalam pengajaran yang melibatkan semua pancaindera iaitu melihat, mendengar dan merangkumi apa sahaja yang dapat dialami oleh murid.

1.10.4 Microsoft powerpoint

Merupakan satu perisian yang menarik dan interaktif yang terdapat dalam program Microsoft window. Perisian ini digunakan untuk membuat persembahan yang menarik dan pelbagai. Ini adalah kerana terdapat pelbagai pilihan untuk paparan antara muka yang digunakan. Grafik – grafik multimedia yang menarik dapat dimasukkan ke dalam setiap persembahan serta kejelasan teks yang terdapat di dalam setiap paparan slaid persembahan. Modul perisian ini juga menyediakan pelbagai alatan yang diperlukan untuk membangunkan sebuah perisian persembahan. Dalam konteks kajian ini, bahan bantu mengajar yang akan dibangunkan adalah menggunakan perisian Microsoft power point interaktif yang digabungkan elemen – elemen multimedia yang interaktif dengan tujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa

1.10.5 Masalah Pembelajaran

Menurut *Individual with Disabilities Education Act (IDEA)* (1997), masalah pembelajaran didefinisikan sebagai masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi melibatkan pemahaman atau penggunaan bahasa sama ada pertuturan atau penulisan di mana masalah yang dihadapi mengakibatkan kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca yang tidak sempurna. Ini tidak termasuk mereka yang bermasalah pembelajaran akibat daripada ketidakupayaan penglihatan, pendengaran



dan motor, kerencatan akal, gangguan emosi atau kekurangan dalam persekitaran, budaya atau ekonomi.

The National Joint Committee on Learning Disabilities (NJCLD) (1990), mentakrifkan masalah pembelajaran sebagai merujuk kepada satu kumpulan masalah yang pelbagai yang mengakibatkan kesukaran yang nyata seperti kesukaran mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah matematik. Masalah ini berpunca daripada ketidakfungsian sistem saraf pusat dan boleh berlaku pada bila-bila tahap umur. Masalah mengawal tingkah laku, persepsi dan interaksi sosial mungkin wujud bersama masalah pembelajaran tetapi ia sendiri tidak akan menyebabkan kepada berlakunya masalah pembelajaran.



seperti masalah sensori, kerencatan mental atau gangguan emosi. Secara kesimpulannya, murid bermasalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang kurang kemampuan belajar disebabkan oleh masalah pemahaman, pertuturan, penulisan dan penyelesaian masalah matematik. Ini tidak termasuk masalah pembelajaran disebabkan oleh kerencatan mental, kurang upaya penglihatan, pendengaran, gangguan emosi dan tingkah laku.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, kanak-kanak bermasalah pembelajaran ialah kanak-kanak yang tidak dapat mencapai tahap dalam pendidikan sepertimana kanak-kanak lain pada umur yang sama setelah melalui beberapa pengukuran secara objektif. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsian kanak-kanak dalam kebolehan-kebolehan seperti daya tumpuan,





daya ingatan, kebolehan kognitif, koordinasi, komunikasi, penguasaan membaca, menulis, mengeja dan mengira.

Kenyataan Hallahan dan Kauffman dalam Wechesler Intelligence Scale for Children IV. Dalam *bell curve* tahap IQ yang kurang dari 85 skor ke bawah menunjukkan tahap IQ yang rendah. Dalam ujian IQ, jika seseorang murid mendapat skor IQ kurang dari 70 markah, murid tersebut boleh dikategorikan dalam masalah pembelajaran. Hal ini membuktikan mereka lain dari murid normal dan perlukan pemerhatian yang khas dari segi pendidikan.

Secara kesimpulannya, setelah mengkaji definisi masalah pembelajaran dari beberapa tokoh dan juga jabatan sama ada di negara ataupun luar negara, definisi masalah pembelajaran dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi kanak-kanak dalam kebolehan kognitif, tingkahlaku sosial atau perkembangan sosial penguasaan bahasa lisan atau pertuturan, penguasaan membaca, kemahiran perkembangan dan kemahiran matematik.

1.10.6 Program Pendidikan Khas Integrasi

Program ini ditadbir oleh Bahagian Pendidikan Khas melalui Jabatan Pendidikan Negeri. Program ini terletak di sekolah harian biasa dan murid – murid kelainan upaya akan belajar di bilik darjah yang berasingan daripada murid biasa iaitu berasingan





daripada aliran perdana. Populasi sekolah terdiri daripada murid biasa dan murid kelainan upaya. Murid kelainan upaya ini merupakan kumpulan minority iaitu sekitar 5 hingga 10 peratus daripada populasi sekolah. Kewangan, tenaga pengajar dan peralatan khas di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Khas.

1.10.7 Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas merangkumi kurikulum bagi murid bermasalah pendengaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pembelajaran.

Murid Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dan murid Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan) secara umumnya menggunakan kurikulum aliran perdana. Sungguh pun begitu, terdapat beberapa pengubahsuaian dilakukan terhadap beberapa mata pendidikan aliran berkenaan (khususnya dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran) selaras dengan keperluan khas pembelajaran. Murid Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dan murid Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan) masing-masing turut diwajibkan memmuridi mata pendidikan tambahan iaitu Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) dan Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan (KAIMaL).



Kurikulum Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina berdasarkan tahap keupayaan dan keperluan murid. Kurikulum bagi kumpulan murid ini lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, dan tidak terlalu menekankan akademik. Pada Tahap I, murid Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) disediakan mata pendidikan Asas 3M, Pengurusan Kehidupan, Seni Kreatif, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Jasmani. Sementara itu di Tahap II, disediakan mata pendidikan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Muzik, Kemahiran Hidup Asas, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Pengurusan Kehidupan.

1.11 Kesimpulan

Berdasarkan huraian dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa kajian ini dijalankan bagi membangunkan satu bahan bantu mengajar menggunakan Microsoft Power Point berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris Masalah Pembelajaran dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti KSSRPK Masalah Pembelajaran Tahun 1 di Program Pendidikan Khas Integrasi.

Kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar harus sesuai dengan tahap keupayaan murid masalah pembelajaran supaya ia dapat membantu mereka dalam memahami pendidikan yang disampaikan oleh guru. Guru harus menilai keupayaan

murid terlebih dahulu supaya dapat mengenalpasti kebolehan dan kelemahan seseorang murid sebelum menyediakan kaedah dan bahan bantu mengajar sesuatu pengajaran.

Bagi membangunkan satu bahan bantu mengajar menggunakan Microsoft Power Point berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris masalah pembelajaran dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Program Pendidikan Khas Integrasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran adalah penting untuk melihat kajian-kajian lepas serta teori berkenaan untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih tepat. Bab yang seterusnya akan membincangkan kajian-kajian lepas serta teori berkaitan dengan kognitif murid masalah pembelajaran serta peranan kartun dalam proses pemikiran dan pemahaman murid masalah pembelajaran.